

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WIRA MAS ERMIEYATI BT.
SAMSUDIN**

TARIKH : 18 JULAI 2019

SOALAN

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kemalangan di setiap jenis-jenis jalan ketika musim perayaan Hari Raya Aidilfitri yang lepas dan apakah perancangan Kementerian untuk mengatasi jumlah kemalangan ini pada musim perayaan yang akan datang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pada setiap kali musim perayaan termasuk Hari Raya Aidilfitri, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa melaksanakan Operasi Selamat (Op Selamat).

Bagi Op Selamat 15/2019, jumlah keseluruhan kes kemalangan adalah sebanyak 24,461 kes dengan pecahan mengikut jenis-jenis jalan iaitu jalan bandaran sebanyak 10,132 kes, jalan persekutuan sebanyak 4,884 kes, jalan negeri sebanyak 4,758 kes, lebuh raya sebanyak 2,840 kes dan manakala kategori jalan lain-lain adalah sebanyak 1,847 kes.

Bagi kemalangan maut pula, pecahan kes kemalangan mengikut jenis-jenis jalan adalah jalan persekutuan sebanyak 87 kes, jalan negeri sebanyak 59 kes, lebuh raya sebanyak 35 kes, jalan bandaran sebanyak 31 kes dan lain-lain jalan sebanyak 20 kes. Jumlah keseluruhan kes kemalangan maut Op Selamat 15/2019 adalah sebanyak 232 kes iaitu 1.28 peratus menurun berbanding pada Op Selamat 13/2018 dengan sebanyak 235 kes.

Dalam mengatasi jumlah kemalangan pada musim perayaan yang akan datang, KDN melalui PDRM akan meneruskan tiga (3) pendekatan utama yang diterapkan di dalam Op Selamat iaitu:

- i. Penguatkuasaan menyeluruh kepada pengguna jalan raya dari sudut peraturan dan undang-undang sedia ada;
- ii. Perkhidmatan kawalan trafik bagi melancarkan aliran lalu lintas di waktu puncak dari semasa ke semasa; dan
- iii. Kempen keselamatan jalan raya bagi mendidik dan menyedarkan masyarakat terhadap peranan, tanggungjawab dan keselamatan semasa berada di jalan raya. Antaranya adalah ceramah keselamatan jalan raya, pelancaran Op Selamat, publisiti melalui media sosial dan sebagainya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 141

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan PH dalam memastikan setiap sekolah di kawasan pedalaman mendapat capaian internet yang pantas yang amat diperlukan dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengajaran dan pembelajaran yang mengintegrasikan teknologi merupakan salah satu pemangkin bagi menerapkan kompetensi dan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan murid. Atas dasar ini, capaian internet merupakan sebahagian daripada ekosistem yang menyokong pelaksanaan pendidikan digital selaras dengan Anjakan 7 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu Memanfaatkan ICT bagi Meningkatkan Kualiti Pembelajaran di Malaysia.

Pada 30 Jun 2019, perjanjian perkhidmatan bagi projek 1BestariNet Fasa dua (2) telah tamat dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak berhasrat untuk melanjutkan perkhidmatan tersebut.

Sehubungan dengan itu, KPM mula melaksanakan perkhidmatan rangkaian internet secara interim bermula 1 Julai 2019 hingga 31 Disember 2019. Kementerian Kewangan telah memberi kelulusan khas yang melibatkan tiga (3) *Internet Service Provider* (ISP) iaitu Telekom Malaysia Berhad, Celcom Axiata Berhad dan Maxis Berhad. KPM akan memilih penyedia perkhidmatan internet yang baharu bagi tempoh mulai 1 Januari 2020 selepas melaksanakan penilaian dan penambahbaikan yang diperlukan. Semua sekolah telah dimaklumkan untuk membuat sandaran (*backup*) bahan pengajaran dan pembelajaran mereka supaya dapat digunakan semula.

Pakej interim melibatkan sebanyak 10,214 Sekolah, satu Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP), 15 Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN), 13 Pusat Teknologi Pendidikan Bahagian (PTPB) dan 366 Pusat Kegiatan Guru (PKG).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 142

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan apakah tindakan Kementerian daripada segi peruntukan kewangan kepada sekolah bagi menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan dan kokurikulum di dalam dan luar sekolah terutamanya bagi sekolah-sekolah luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan dan kokurikulum sehingga ke peringkat luar negara. KPM telah mengenalpasti bantuan-bantuan yang sesuai untuk menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan dan kokurikulum seperti Bantuan Kokurikulum Sekolah dan Bantuan Sukan Sekolah. KPM telah mengemukakan permohonan peruntukan bagi bantuan berkaitan kepada MOF dan KPM menjangkakan permohonan ini akan dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh MOF.

Sekian, terima kasih

RJM 153